

**Pengintegrasian Semula Dalam Kalangan Bekas Banduan: Satu Tinjauan Sorotan Literatur**  
***Reintegration Among Former Inmates: A Literature Review***

Nur Addila Ahmad\*

N.K. Tharshini

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Sarawak*

\*Corresponding e-mail: [nuraddillaahmad@gmail.com]

Inmates have been leaving correctional facilities and returning to their communities for as long as incarceration has existed. In general, reintegration is a difficult process for many former inmates since they face a variety of challenges simultaneously. Hence, this article is prepared to review the reintegration issue among former inmates. A literature review was conducted to obtain information on various reintegration issues from the Taylor and Francis, Sage, and Google Scholar databases. The result depicts that many former inmates have difficulties in finding employment because they tend to be uneducated and have low job skills. The findings also show that a large number of former inmates encounter difficulties in finding housing due to stigmatisation and a lack of family and community support. As an overall impact, the review is expected to have significant implications and provide a better understanding on the challenges related to reintegration process to the stakeholders hence they are able to design an impactful reintegration program to help former inmates adjust to life outside of prison and learn to desist from further criminal activities.

**Keywords:** reintegration, former inmates, challenges, desistance

Pengintegrasian semula adalah sokongan yang diberikan kepada bekas banduan semasa fasa integrasi semula mereka ke dalam masyarakat selepas dibebaskan dari penjara. Pengintegrasian semula juga merujuk kepada proses peralihan daripada pemenjaraan kepada masyarakat, penyesuaian diri dengan kehidupan di luar penjara, dan pengekalan gaya hidup bebas jenayah (Polaschek, 2019). Sivabalan et al. (2018) menjelaskan bahawa pengintegrasian semula merupakan suatu proses peralihan daripada penjara ke komuniti yang mendorong bekas banduan untuk

menyesuaikan diri semula dalam persekitaran sosial. Secara lazimnya, apabila seseorang bekas banduan masuk semula ke dalam komuniti setelah selesai menjalani hukuman penjara untuk satu tempoh tertentu, pelbagai strategi yang efektif perlu dilaksanakan bagi mewujudkan sebuah platform yang dapat membantu golongan ini untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula (Sivabalan et al., 2018; Ayub et al., 2016).

Menurut Polaschek (2019), istilah pengintegrasian semula sering digunakan bagi menggambarkan suatu proses yang

kompleks merangkumi: (i) penyingkirian individu daripada keluarga, rakan, dan komuniti, (ii) cabaran intra-individu dalam menghindari godaan dan kekal bersih, dan (iii) kekangan yang dihadapi untuk mendapatkan pekerjaan akibat daripada rekod jenayah lampau.

Secara amnya, terdapat empat peringkat utama yang mempengaruhi pengintegrasian semula iaitu; (i) pengalaman hidup sebelum dipenjarakan, (ii) pengalaman hidup semasa berada dalam penjara, (iii) pengalaman hidup selepas dibebaskan dari penjara, dan (iv) pengalaman hidup semasa mengintegrasikan diri semula dalam komuniti selepas dibebaskan daripada penjara (Polaschek, 2019; Kamarudin et al., 2019; Sivabalan et al., 2018).

Malek et al. (2022) menjelaskan bahawa kesejahteraan psikologi dan emosi banduan mudah terganggu dan terjejas apabila mereka masuk ke penjara. Oleh hal demikian, Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pemasyarakatan) iaitu Datuk Ibrisam Abdul Rahman menjelaskan bahawa perkhidmatan psikologi dan kaunseling adalah amat penting dalam institusi koreksional seperti penjara kerana ianya membantu seseorang banduan untuk berubah ke arah yang lebih baik serta menjadi rakyat yang bertanggungjawab pada masa hadapan (Jabatan Penjara Malaysia, 2022; Bernama, 2023).

Dalam usaha untuk membantu bekas banduan untuk mengintegrasikan diri dengan jayanya beberapa cabaran utama dalam proses pengintegrasian semula akan dibincangkan dalam kajian ini. Inisiatif ini adalah penting terutamanya

bagi pihak berkepentingan seperti Jabatan Penjara Malaysia, pihak kaunselor, dan pegawai psikologi agar mereka dapat meneliti semula modul pemulihan yang sedia ada serta menilai sejauhmana ianya membantu banduan untuk kembali pulih serta bersedia untuk pulang semula ke pangkuhan masyarakat.

## **Metod**

Satu tinjauan literatur telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan dengan cabaran pengintegrasian semula dalam kalangan bekas banduan. Kata kunci seperti “pengintegrasian semula”, “bekas banduan”, “cabaran”, dan “jenayah” ditemui dalam beberapa pangkalan data seperti Taylor and Francis, Sage, dan Google Scholar bagi memperoleh maklumat yang diperlukan.

Beberapa kriteria pemilihan bahan bacaan telah ditetapkan terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan cabaran pengintegrasian semula dalam kalangan bekas banduan, termasuk; (i) artikel/tesis/ulasan, buku/analisis meta/laporan tahunan yang telah diterbitkan dengan menggunakan medium elektronik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; dan (ii) data kualitatif yang merangkumi hasil temubual bersama pegawai penjara/ pihak berkuasa polis/bekas banduan/pegawai penjara.

Seterusnya, beberapa kriteria pengecualian atau pengguguran bahan bacaan juga telah ditetapkan terlebih dahulu bagi menjalankan suatu tinjauan literatur yang bersifat komprehensif

termasuk: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis meta/laporan tahunan yang tidak mempunyai maklumat yang lengkap berkaitan dengan cabaran pengintegrasian semula dalam kalangan bekas banduan.

### **Faktor Hubungan Kekeluargaan**

Cherney (2021) menyatakan bahawa peralihan bekas banduan ke dalam masyarakat memerlukan penglibatan langsung institusi sosial seperti ahli keluarga dalam menawarkan sokongan pro-sosial dan sokongan ekonomi (pekerjaan, tempat tinggal, dan pengangkutan) kepada mereka. Menurut Malek et al. (2022) dan Jasni et al. (2020) keluarga sering menjadi sumber sokongan emosi, praktikal, dan kewangan untuk banduan dari tempoh penangkapan sehingga mereka dibebaskan. Hubungan kekeluargaan yang rapat dan sokongan sosial yang kuat dianggap sebagai faktor penting yang membantu banduan dalam mengekalkan identiti diri yang positif serta bertindak sebagai sumber sokongan material dan emosi dalam proses peralihan dari penjara ke dalam kehidupan bermasyarakat (Jasni et al., 2020).

Kajian terdahulu membuktikan bahawa hubungan kekeluargaan yang kuat memainkan peranan utama dalam mengurangkan risiko bekas banduan daripada melakukan jenayah semula (Jasni et al., 2020). Tambahan pula, pemenjaraan seringkali memberi kesan buruk terhadap hubungan kekeluargaan. Sebagai contoh banduan yang dipenjarakan menghadapi cabaran yang besar dalam mengekalkan hubungan kekeluargaan bersama pasangan, rakan-

rakan, adik-beradik, mahupun ibu bapa mereka.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Sivabalan et al. (2018), pengintegrasian semula merupakan satu proses yang rumit kerana bekas banduan perlu menjalin semula hubungan yang baik bersama ahli keluarga, membina dan mengekalkan identiti diri yang positif selepas keluar dari penjara, dan berusaha keras bagi mengelakkan diri mereka daripada terlibat semula dengan kesalahan jenayah. Justeru, dalam situasi sebegini, sokongan sosial daripada ahli keluarga adalah amat penting bagi membantu bekas banduan untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula serta mengelakkan mereka daripada terbabit semula dengan kesalahan jenayah (Said et al., 2023; Sivabalan et al., 2018).

Selain itu, sokongan sosial yang berterusan daripada ahli keluarga, rakan sebaya, dan saudara-mara adalah amat penting bagi membantu bekas banduan untuk mengekalkan kestabilan emosi serta mendorong mereka untuk mengubah tingkah laku negatif yang terdapat dalam diri mereka. Sivabalan et al. (2018) turut menjelaskan bahawa bekas banduan yang menerima sokongan sosial (sokongan emosi dan kewangan) yang berterusan daripada ahli keluarga didapati kurang mengulangi kesalahan jenayah berbanding bekas banduan yang dipinggirkan oleh ahli keluarga dan saudara-mara.

### **Faktor Pekerjaan**

Dari segi pekerjaan bekas banduan menghadapi kesukaran untuk mencari

pekerjaan yang bersesuai dengan kelayakan mereka kerana majoriti daripada golongan ini mempunyai pengalaman kerja yang terhad, kemahiran kerja yang tidak mencukupi, serta tahap pendidikan yang rendah (Tharshini et al., 2024; Tharshini et al., 2021). Penyelaras Pembangunan Komuniti Malaysian Care, iaitu Sam Lim menyatakan bahawa kebanyakan daripada bekas banduan bergelut untuk mencari pekerjaan tetap disebabkan oleh keengganan majikan untuk mengupah seseorang yang mempunyai rekod jenayah (Tan, 2021).

Hidayat dan Zakaria (2018) mendapati bahawa Jabatan Penjara Malaysia sebenarnya menjalankan program pemulihan kepada semua banduan sepanjang tempoh mereka menjalani hukuman. Tujuan program tersebut adalah untuk memulih dan melatih banduan agar menjadi insan berguna serta menanam sikap disiplin dan positif dalam diri mereka. Namun begitu, dalam dunia realiti bekas banduan terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan apabila memasuki pasaran pekerjaan terutamanya yang berkaitan dengan stigma dan persepsi negatif daripada masyarakat sejagat. Selain itu, masih terdapat juga majikan yang berpandangan bahawa bekas banduan tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi serta tidak dapat dipercayai sepenuhnya (Hidayat et al., 2018).

Kehadiran bekas banduan dalam sesebuah organisasi seringkali dikaitkan dengan pelabelan negatif. Akibatnya, seseorang bekas banduan akan terus berada dalam fasa pemulauan yang menyukarkan diri mereka untuk

berintegrasikan diri dalam komuniti (Hidayat et al., 2018). Sebahagian daripada mereka juga mempunyai masalah dan kekangan untuk mencari pekerjaan kerana pihak majikan menuntut staf mereka agar bebas daripada sebarang rekod jenayah (Jaidin, 2020; Hidayat et al., 2018).

Jasni et al. (2022) mendapati bahawa kebanyakan daripada bekas banduan lebih bersedia untuk berhijrah ke kawasan bandar untuk mencari peluang pekerjaan dengan niat untuk mengubah taraf kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Walau bagaimanapun, rekod jenayah dan pemenjaraan menyebabkan majoriti daripada mereka gagal untuk menempatkan diri dalam bidang pekerjaan yang stabil susulan daripada diskriminasi dan stigma negatif daripada majikan yang memandang rendah terhadap bekas banduan (Jasni et al., 2022; Mohd Nor et al., 2020).

Jelaslah bahawa stigma masyarakat dan majikan sememangnya memberi impak yang negatif terhadap bekas banduan yang ingin mengubah kehidupan mereka dengan mencari pekerjaan. Walaupun golongan ini telah berusaha, namun ketersediaan peluang pekerjaan untuk bekas banduan masih lagi terhad. Tambahan pula, sekiranya terdapat peluang pekerjaan, golongan ini cenderung untuk ditawarkan dengan taraf gaji yang rendah, tanpa pemerolehan faedah, tiada perlindungan kesatuan sekerja, keadaan pekerjaan yang berbahaya dengan skop jawatan yang kecil dan bersifat sementara, serta tidak memberi pulangan bagi menampung kehidupan

untuk jangka masa panjang (Tharshini et al., 2022; Sheppard et al., 2020).

### **Faktor Perumahan/Tempat Tinggal**

Menurut Chouhy et al. (2020) rumah merupakan prasyarat untuk pembangunan peribadi selain menawarkan rasa kekitaan, keselesaan, dan keselamatan sesama manusia. Pada realitinya, tempat tinggal merupakan satu keperluan asas individu bagi membina sebuah kehidupan yang stabil. Namun begitu, hasrat ini selalunya tidak dapat dicapai oleh individu yang mempunyai rekod jenayah dan pernah dipenjarakan. Kegagalan bekas banduan untuk mencari tempat tinggal selepas dibebaskan dari penjara menyebabkan ramai di antara mereka terpaksa menjadi gelandangan (Jasni et al., 2022; Doekhie, 2019).

Antara tempat tinggal yang sering kali dipilih oleh bekas banduan adalah kawasan yang tidak asing serta mempunyai rakan senasib dengan diri mereka (Jasni et al., 2021). Natijahnya, penumpuan bekas banduan di suatu tempat yang khusus menyumbang kepada pengulangan jenayah dan pengambilan semula dadah (Tharshini & Ibrahim, 2023). Sebaliknya, terdapat juga sesetengah bekas banduan yang mengelakkan diri dari kembali semula kepada keluarga dengan berhijrah jauh dari tempat asal mereka (Jasni et al., 2021). Namun, kos sara hidup yang terlampaui tinggi serta kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan menyebabkan majoriti daripada bekas banduan meneruskan kehidupan mereka dengan berjauhan daripada ahli keluarga dengan menjadi gelandangan yang tinggal di

jalan sahaja (Raof et al., 2023; Jasni et al., 2021).

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, institusi kekeluargaan, faktor pekerjaan, tempat tinggal, dan sokongan sosial adalah amat penting bagi membantu bekas banduan untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula dengan jayanya. Hubungan kekeluargaan sangat penting demi membantu bekas banduan untuk terus hidup dalam keadaan positif dan bebas jenayah. Sokongan sosial daripada ahli keluarga juga mampu membantu bekas banduan untuk meneruskan kehidupan dengan lebih baik agar mereka tidak mengulangi kesalahan jenayah pada masa hadapan.

Selain itu, faktor pekerjaan turut memainkan peranan yang penting dalam kehidupan bekas banduan. Hal ini kerana dengan sumber pendapatan yang mencukupi, mereka tidak akan terjebak dengan kesalahan jenayah dan lebih bertanggungjawab terhadap kehidupan mereka. Pekerjaan dapat mendisiplinkan bekas banduan agar tidak mengulangi jenayah serta bersikap lebih fokus terhadap pekerjaan mereka. Tambahan lagi, faktor tempat tinggal juga amat penting kerana ianya dapat mengurangkan risiko jenayah berulang dan kes gelandangan dalam kalangan bekas banduan.

Oleh yang demikian, peranan kakitangan Jabatan Penjara Malaysia, pegawai psikologi, kaunselor, dan pegawai parol adalah amat penting dalam usaha untuk membantu bekas banduan untuk berjaya dalam proses pengintegrasian semula. Sebagai contoh program pendidikan dan pencegahan yang berunsurkan “self,

*family, and community empowerment”* perlu dijalankan di dalam penjara dan di luar komuniti agar banduan dapat mempersiapsiagakan diri mereka agar bersifat resilien dalam menangani cabaran pengintegrasian semula.

## Rujukan

- Ayub, N., Nasir, R., Mohamad, M. N., & Kadir, N. B. A. (2016). Keberkesanan kaunseling kelompok tingkah laku kognitif terhadap kemarahan dan agresif dalam kalangan banduan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(1), 40-51.
- Cherney, A. (2021). The release and community supervision of radicalised offenders: Issues and challenges that can influence reintegration. *Terrorism and Political Violence*, 33(1), 119-137, DOI:[10.1080/09546553.2018.1530661](https://doi.org/10.1080/09546553.2018.1530661)
- Chouhy, C., Cullen, F.T., & Lee, H. (2020). A social support theory of desistance. *Journal of Developmental and Life-Course Criminology* 6(2), 204–223, DOI:[10.1007/s40865-020-00146-4](https://doi.org/10.1007/s40865-020-00146-4)
- Doekhie, J.V.O.R (2019). Dimensions of desistance: A qualitative longitudinal analysis of different dimensions of the desistance process among long-term prisoners in the Netherlands. Doctoral dissertation, Leiden University.
- Hidayat, N. D., & Zakaria, S. M. (2018). Isu dan halangan bagi bekas pesalah untuk bekerja: Satu perspektif. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32(3), 62-68.
- Jaidin, Z. (2020). Kepentingan sokongan sosial dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah: Satu kajian sorotan literatur. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* 8(2), 176-188.
- Jasni, M. A., Mohd Nasir, N. C., & Hassim, M. N. (2020). Hubungan kekeluargaan dalam menentukan kejayaan atau kegagalan bekas banduan dalam proses integrasi semula. *Journal of Social Sciences and Humanities* 17(2), 186-197.
- Jasni, M. A., Abu Bakar, S. H., Mohd Nasir, N. C., & Omar, N. (2021). Faktor mempengaruhi bekas banduan menjadi gelandangan: Kajian kes di Kuala Lumpur. *Jurnal Perspektif* 13(1), 102-116. 02-116, DOI: [10.37134/perspektif.vol13.1.9.2021](https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.9.2021)
- Jasni, M. A., Hassan, N., Ibrahim, F., & Kamaluddin, M.R. (2022). Gelandangan bekas banduan: Suatu perbincangan tentang faktor dan kesan bergelandangan serta langkah intervensi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(8), 1-24, DOI:[10.47405/mjssh.v7i8.1679](https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1679)
- Kamaruddin, M. K. A., & Tharbe, I. H. A., & Muhamad, A. S. (2019). Hubungan antara kecenderungan untuk berubah dengan umur dan kekerapan residivisme dakam kalangan banduan. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, 1, 25-36.
- Malek, M. A. A. & Zabidi, M. I. M. (2022). Penyisihan pekerjaan dan kesejahteraan psikologi penghuni penjara. *Penyisihan Kumpulan Sosial*, 7, 128-149.
- Mohd Nor, S. K., Wan Sulaiman, W. S., & Kamaluddin, M. R. (2020). Profil psikologi penjenayah wanita: Satu

- tinjauan literatur. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 131-145.
- Polaschek, D.L.L. (2019). Interventions to reduce recidivism adult violent prisoners. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons, Inc.
- Raof, A. A., Hasan, H., & Anuar, A. (2023). Faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan muda di penjara: Dari persepsi penjawat awam juga c. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 54-62.
- Said, I., & Butler, H. D. (2023). Prison Religion: Exploring the link between pre and in-prison experiences to religious activity. *Crime and Delinquency*, 1-24, DOI:[10.1177/00111287221143947](https://doi.org/10.1177/00111287221143947)
- Sheppard, A., & Ricciardelli, R. (2020). Employment after prison: Navigating conditions of precarity and stigma. *European Journal of Probation* 12(1), 34-52, DOI:[10.1177/2066220320908251](https://doi.org/10.1177/2066220320908251)
- Sivabalan, T., & Ibrahim, F. (2018). Faktor-faktor pelindung yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula banduan yang berjaya: Satu kajian ulasan sistematik. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences* 12(1), 54-63.
- Tan, T. (2021). 98% of parolees find jobs. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/25/98-of-parolees-find-jobs>. Retrieved on: 02 Februari 2023.
- Tharshini, N.K., Ibrahim, F., Mohamad, M. S., & Zakaria, E. (2021). Pengaruh faktor konsep kendiri, kesedaran komuniti dan sokongan sosial terhadap pengintegrasian sosial bagi pesalah muda di malaysia. *Kajian Malaysia* 39(1), 117-140, DOI: [10.21315/km2021.39.1.6](https://doi.org/10.21315/km2021.39.1.6)
- Tharshini, N.K., & Ibrahim, F. (2022). Faktor berisiko yang menyumbang kepada masalah residivisme: Satu tinjauan sorotan literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia* 36(2), 32-40.
- Tharshini, N.K., & Ibrahim, F. (2023). The link between drug dependency and criminality: A systematic review. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 37(2), 1-16.
- Tharshini, N.K., Swee Kiong, W., Hajji Mas'ud, F., Ali, K., & Ahmad, N.A. (2024). Readiness for re-entry among pre-release prisoners in Sarawak, Malaysia. *The Journal of Forensic Practice*, 26(3), 149-164. DOI: [10.1108/JFP-10-2023-0049](https://doi.org/10.1108/JFP-10-2023-0049)